

Perakaunan Zakat Saham: Kajian Di Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan

Nor Aini Ali

Abstract

This article explains methods used to calculate zakat of stock or share. The article explores an application of Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan to calculate this zakat. It is found that three methods applied, firstly, the lowest value of share method; secondly, the profit from selling of share method and finally, the dividend method. The application of these three methods depend on the types of share.

Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang lima. Pengeluaran zakat daripada harta yang dimiliki manusia dapat membantu bagi merapatkan jurang perbezaan di antara miskin dan kaya di samping membantu golongan yang memerlukan.

Dari sudut bahasa, perkataan zakat merupakan kata dasar (*masdar*) dari *zakā* yang bererti berkat, tumbuh, bersih dan baik.¹ Manakala dari istilah Fiqh pula, zakat

merupakan sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah dan diserahkan kepada orang-orang yang berhak.²

Keempat-empat mazhab memberikan definisi yang berbeza mengenai zakat. Menurut ulama' Mazhab Maliki, zakat ialah mengeluarkan sebahagian yang tertentu daripada harta yang tertentu, yang mencukupi *nisāb*, kepada orang yang berhak ke atasnya, jika sempurna milik dan cukup *hawl*, serta juga hasil galian dan tanaman yang tidak perlu kepada syarat cukup *hawl*. Menurut ulama' Mazhab Hanafi pula, zakat dianggap sebagai memberi milik sebahagian harta yang tertentu daripada harta yang tertentu kepada orang yang tertentu yang ditentukan oleh syarak kerana Allah. Ulama' Mazhab Syāfi'i pula mentakrifkan zakat sebagai istilah kepada sesuatu yang dikeluarkan daripada harta atau badan mengikut cara yang tertentu. Ulama' Mazhab Hanbali pula mentakrifkan zakat sebagai suatu hak yang wajib pada harta tertentu untuk diberikan kepada sekumpulan yang tertentu pada waktu yang tertentu.³

Dengan ini jelaslah bahawa kalimah zakat mengikut istilah ulama' fiqh digunakan kepada perbuatan orang yang mengeluarkan hak yang wajib daripada harta tertentu dengan syarat-syarat tertentu.

Zakat bukan sahaja menyentuh aspek ibadat, tetapi juga menyentuh tentang kehartaan dan ekonomi. Kewajipan membayar zakat memang tidak boleh dipertikaikan lagi. Firman Allah (bermaksud):

“Dan dirikanlah sembahyang serta bayarlah zakat serta taatlah kepada Rasul, supaya kamu beroleh rahmat.” (Surah al-Nūr, 24: 56).

Dan Allah berfirman lagi (maksudnya):

“Ambillah sebahagian dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).” (Surah al-Tawbah, 9: 103).

Berkaitan jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menyenaraikan 10 jenis harta iaitu zakat fitrah, emas dan perak, perniagaan, binatang ternakan, pertanian, wang simpanan, hasil galian dan harta karun, saham, pendapatan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.⁴

Zakat Saham

- Definisi Saham**

Menurut *Kamus Ekonomi*, saham bermaksud modal sah syarikat yang dicarumkan oleh pemilik.⁵ Pemegang saham mempunyai tuntutan terhadap aset dan tanggungan

syarikat, berhak mengambil bahagian dalam pengurusan secara langsung atau tidak dan berhak menerima sebahagian daripada keuntungan.

Sayyid Sābiq menganggap saham sebagai sebahagian dari syarikat yang dimiliki oleh satu pihak. Saham ini membayangkan nilai dan peratusan pemilik di dalam sesuatu syarikat.⁶ Menurut Yūsuf al-Qarādāwī, saham ialah hak pemilikan ke atas sebahagian daripada modal keseluruhan harta syarikat yang mengeluarkan saham atau yang menguruskannya.⁷ Saham juga didefinisikan sebagai satu unit stok yang mewakili seseorang dalam sesebuah syarikat.⁸

Dari aspek kewangan, saham mewakili modal yang disumbangkan secara bersama oleh pemilik-pemilik syarikat. Mereka bersetuju untuk berkongsi ke atas sebarang keuntungan atau kerugian mengikut peratus sumbangan mereka. Pemegang saham adalah pemilik syarikat. Pemilikan tersebut dilambangkan melalui sijil saham. Sijil saham merupakan dokumen yang menjadi bukti terhadap hak milik atau pemilikan satu blok saham. Sijil saham yang disertai dengan cop mohor syarikat, mengandungi nama dan alamat syarikat, tarikh sijil tersebut dikeluarkan, nama dan alamat pemilik dan jumlah pegangan.⁹

- **Asas Kewajipan Zakat Saham**

Saham merupakan harta jenis baru yang perlu diberi perhatian oleh sarjana Islam tentang kewajipan mengeluarkan zakat. Tidak ada nas-nas yang secara terang menjelaskan tentang kewajipan zakat ke atas saham. Tetapi, kita boleh mengambil nas-nas yang menjelaskan wajib zakat ke atas harta perniagaan untuk dijadikan asas bagi hukum wajib zakat ke atas saham kerana saham juga dikira sebagai harta perniagaan.

Menurut Muḥammad Sulaymān al-Ashqar, Muḥammad ‘Uthmān Shabīr, Muhamad Na‘īm Yāsīn dan ‘Umar Sulayman al-Ashqar, sesiapa yang memperniagakan saham maka saham itu dikira sebagai barang dagangan.¹⁰ Oleh kerana saham merupakan salah satu daripada barang dagangan, maka kewajipan zakat ke atasnya samalah seperti kewajipan zakat ke atas harta perniagaan. Allah berfirman (maksudnya):

“Hai orang-orang yang beriman, keluarkanlah sebahagian hasil usaha yang kalian perolehi dan sebahagian hasil bumi yang kami keluarkan untuk kalian.” (Surah al-Baqarah, 2: 267).

Berdasarkan ayat di atas, dapat disimpulkan bahawa hasil usaha terbahagi kepada 2 iaitu hasil usaha yang diperolehi dari perut bumi iaitu tumbuh-tumbuhan dan hasil usaha yang diperolehi dari atas bumi seperti penternakan, perdagangan dan perikanan.

Aliran Pemikiran Fiqh Kontemporari Dalam Perakaunan Zakat Saham

1. Perakaunan yang berdasarkan jenis saham

Mengikut aliran ini, zakat dikenakan berdasarkan kategori saham yang dimiliki. Jika saham yang dimiliki adalah saham yang bersifat barang dagangan ('urud tijārah), maka zakat saham tidak dikenakan. Saham jenis ini adalah seperti saham syarikat-syarikat dobi, perhotelan, pengiklanan dan pengangkutan yang tidak menjalankan perniagaan dagangan.¹¹

Saham yang diwajibkan zakat ialah saham syarikat-syarikat yang menjalankan urusan perniagaan barang iaitu membeli dan menjual barang seperti saham syarikat yang menjalankan perniagaan menjual hasil-hasil industri dan perniagaan import dan eksport.¹²

2. Perakaunan yang tidak berdasarkan jenis saham

Mengikut aliran ini, semua jenis saham tanpa mengira jenis perniagaan sama ada melibatkan perniagaan dagangan atau tidak adalah dikenakan zakat. Aliran kedua ini adalah yang paling popular dan diterima oleh kebanyakan fuqaha' kontemporari.¹³ Kewajipan zakat saham adalah tertakluk kepada:

- i) Jika pihak syarikat telah membayar zakat bagi perniagaannya, maka pemilik saham tidak perlu membayar zakat saham.
- ii) Jika pihak syarikat tidak membayar zakat bagi perniagaannya, maka pemilik saham perlu membayar zakat saham.

Jika situasi kedua berlaku, maka kadar zakat saham yang wajib dibayar oleh pemilik saham adalah seperti berikut:

- 1) Jika diketahui bahawa saham itu daripada syarikat yang menjalankan perniagaan jual beli, maka zakat saham yang dikenakan adalah 2.5% daripada jumlah saham yang dimiliki mengikut nilai pasaran saham pada hari di mana diwajibkan zakat ke atasnya.¹⁴
- 2) Jika seseorang itu membeli saham untuk mendapatkan keuntungan tahunan daripada saham tersebut, maka kadar zakat yang dikenakan adalah seperti berikut:
 - i) Jika pemilik saham mengetahui nilai saham yang dikenakan zakat kepada syarikat, maka kadar zakat adalah 2.5% daripada nilai saham yang dimiliki oleh pemilik saham tersebut.¹⁵
 - ii) Jika pemilik saham tidak mengetahui jumlah nilai saham yang dikenakan zakat kepada syarikat, maka wujud dua keadaan kewajipan

zakat saham iaitu:

- a) Kebanyakan ulama' berpendapat pemilik saham perlu mencampurkan jumlah keuntungan daripada saham dengan nilai harta lain yang dimiliki oleh pemilik saham dan mengeluarkan zakat pada kadar 2.5% daripada jumlah tersebut apabila cukup *niṣāb* dan *ḥawl*.¹⁶
- b) Sesetengah ulama' menetapkan kadar 10% daripada jumlah keuntungan yang diperolehi oleh pemilik saham iaitu diqiyaskan kepada kadar zakat tanaman.¹⁷

Syarat-syarat Wajib Zakat Saham

1. Islam

Zakat hanya dikenakan ke atas orang Islam sahaja. Bagi perniagaan perkongsian orang Islam dan bukan Islam, hanya peratusan ekuiti orang Islam sahaja diambil kira untuk pembayaran zakat.¹⁸

2. Merdeka

Orang yang merdeka sahaja dikenakan zakat. Hamba abdi tidak dikenakan zakat kecuali zakat fitrah.

3. Pemilikan sempurna

Harta milik sempurna dalam kekuasaan seseorang dan tidak bersangkutan dengan orang lain. Pemilik juga dapat memperlakukan dan memperolehi manfaat daripadanya.¹⁹ Mengikut Yūsuf al-Qarādāwī, kekayaan itu pada dasarnya milik Allah.²⁰ Ini bererti yang dimaksudkan dengan pemilikan sempurna adalah hak monopoli iaitu hak penyelenggaraan, penyimpanan, pemakaian dan pemberian yang diperolehi atas harta berkenaan melalui cara yang dihalalkan oleh syarak. Oleh yang demikian, pemilik saham mempunyai hak milik yang sempurna terhadap saham-sahamnya. Bukti pemilikan tersebut adalah sijil atau skrip saham yang dikeluarkan oleh syarikat tertentu kepada pemiliknya.

4. Harta yang berkembang

Harta yang dikenakan zakat itu perlulah subur dan berkembang sama ada berkembang dengan hakiki²¹ atau secara *taqdīrī*.²² Menurut Yūsuf al-Qarādāwī, ia boleh ditafsirkan sebagai mampu melahirkan keuntungan atau keuntungan itu sendiri.²³ Oleh sebab saham itu sendiri adalah salah satu harta yang berkembang, maka diwajibkan zakat ke atasnya apabila memenuhi kesemua syarat wajib zakat.

5. Cukup *hawl*

Mengikut fuqaha', tempoh *hawl* yang dimaksudkan adalah setahun iaitu selama 354 hari mengikut tahun Hijrah atau 365 hari mengikut tahun Masihi. Zakat tidak akan dikenakan ke atas harta yang tidak cukup *hawl*. Jadi, zakat hanya akan diwajibkan ke atas saham apabila cukup tempoh setahun.

6. Cukup *nisāb*

Nisāb merupakan paras minimum yang menentukan sesuatu harta itu wajib dikeluarkan zakat atau tidak.²⁴ Menurut pengertian syarak, *nīṣāb* merupakan istilah bagi kadar yang mesti dicapai oleh harta supaya menjadi wajib ke atasnya zakat.²⁵ Sesuatu harta itu diwajibkan zakat setelah cukup *nīṣāb*nya. *Nīṣāb* semasa zakat harta perniagaan, emas dan perak serta wang simpanan adalah kadar penilaian yang bersamaan dengan 85 gram emas. Jika dilihat kepada *nīṣāb* zakat saham bagi tahun 2003 yang digunakan oleh Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan adalah RM3,000²⁶ dan kadar *nīṣāb* yang digunakan oleh Pusat Zakat Selangor pada bulan Sya'ban 1424 Hijrah adalah RM3,934.69 manakala *nīṣāb* bulan Oktober 2003 Masihi pula adalah RM3,948.55.²⁷

Bentuk-bentuk Saham Yang Dikenakan Zakat

1. Saham yang tidak disenaraikan

Saham jenis ini tidak mudah ditunaikan. Ia adalah bentuk saham yang tidak disenaraikan di Bursa Saham atau saham dalam koperasi. Secara praktikalnya, zakat dikira atas dividen yang diterima. Jika dividen yang diterima itu menyamai atau melebihi *nīṣāb*, maka wajib zakat dikeluarkan sebanyak 2.5%.

2. Saham yang disenaraikan

Saham jenis ini adalah mudah ditunaikan. Ia merupakan saham yang disenaraikan di Bursa Saham. Zakat saham jenis ini boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu:

- i) Zakat bagi saham-saham yang masih dimiliki selepas cukup *hawl*. Ini bermaksud saham tersebut masih dalam simpanan dan bukan bertujuan untuk diurusniagakan sepanjang *hawl* tersebut. Ia juga dikenali sebagai saham yang lebih bertujuan untuk pelaburan. Zakat dikira atas harga nilai terendah seunit.
- ii) Zakat bagi saham-saham yang diurusniagakan sepanjang tempoh *hawl* yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Ia juga lebih dikenali sebagai saham yang berbentuk spekulasi. Jadi, ianya dikira atas keuntungan jual beli saham tersebut.

3. Saham dalam syarikat yang mengeluarkan zakat

Zakat tidak perlu dibayar atas saham sekiranya sesebuah syarikat tersebut telahpun mengeluarkan zakat perniagaan bagi pihak pemegang-pemegang sahamnya. Begitu juga dividen saham. Sekiranya syarikat tidak mengeluarkan zakat perniagaannya, individu yang memiliki saham syarikat tersebut wajib membayar zakat secara persendirian. Ini bermaksud pemegang-pemegang saham individu muslim ini hendaklah membayar zakat saham mengikut peratusan pelaburan yang dimiliki oleh mereka secara berasingan.

Kaedah Pengiraan Zakat Saham

Zakat saham dikira apabila wang yang dilaburkan adalah milik sempurna iaitu wang sendiri. Ini adalah asas utama yang perlu diambil perhatian sebelum dikira zakat bagi saham tersebut. Ini bermakna bahagian yang dibeli melalui pinjaman hendaklah ditolak terlebih dahulu sebelum mengira jumlah saham. Ketika mengira pendapatan tahunan, hendaklah dikira saham itu sebagai harta tetap yang boleh membawa keuntungan seperti geran, cagaran atau kilang-kilang perusahaan.²⁸

Secara praktikalnya, Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan menggunakan kaedah pengiraan zakat saham secara umum iaitu kadar 2.5% yang didarabkan dengan nilai terendah semua saham yang dimiliki oleh seseorang individu atau syarikat sepanjang tahun taksiran setelah ditolak pinjaman pokok membeli saham (jika ada). Jika nilai terendah sukar ditentukan, maka ia menggunakan nilai di awal atau di akhir tahun mengikut mana yang lebih rendah. Secara khususnya, ada tiga kaedah yang digunakan untuk mengira kadar zakat saham mengikut jenis saham yang dimiliki oleh seseorang individu atau syarikat iaitu kaedah nilai saham terendah, keuntungan jualan saham dan dividen.

1. Nilai saham terendah

Kaedah pengiraan ini digunakan bagi saham-saham yang disenaraikan di mana saham-saham tersebut masih dimiliki selepas cukup *hawl*. Oleh itu, pengiraan zakat ialah 2.5% atas nilai saham terendah atau baki terendah sepanjang tempoh setahun. Ini bermakna sekiranya harga saham itu menurun kemudian meningkat kembali, maka zakat akan dikenakan dengan mengira nilai terendah dalam sesuatu *hawl* dan didarab dengan nilai saham yang dimiliki. Ini kerana nilai terendah merupakan pemilikan tetap pelabur dalam tempoh setahun. Ia juga merupakan pemilikan yang paling minimum dalam satu tahun dan memberi keadilan kepada semua pelabur.

Sebagai contoh, diandaikan Encik Rosli telah melabur di syarikat A sebanyak 10 lot. Pelaburan Encik Rosli boleh digambarkan sepertimana dalam Jadual 1:

Jadual 1:
Pelaburan Saham Rosli di Syarikat A

Tarikh	Unit Lot (10 lot = 10 000 unit)	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1 Jan. 2000	10 RM	2.00	RM 20,000
Mac 2000	10 RM	1.80	RM 18,000
Julai 2000	10 RM	1.50	RM 15,000
31 Dis. 2000	10 RM	2.00	RM 20,000

Sumber: Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa Encik Rosli telah melabur di Syarikat A sebanyak 40 lot iaitu bersamaan 40,000 unit. Dapat disimpulkan di sini bahawa:

- 1) 40 lot atau 40,000 unit saham yang dilaburkan adalah merupakan pemilikan sempurna.
- 2) Tempoh saham yang dimiliki oleh Rosli dalam syarikat A telah cukup *hawl* iaitu bermula 1 Januari 2000 dan berakhir 31 Disember 2000.
- 3) Jumlah nilai terendah dalam tempoh satu tahun tersebut ialah RM15,000. Jumlah ini mencapai kadar *niṣāb* zakat saham iaitu sebanyak 85 gram emas yang bersamaan dengan RM3,000.

Maka kadar zakat yang perlu dibayar oleh Encik Rosli adalah:

$$\begin{aligned}
 \text{Kadar zakat} &= [\text{Jumlah nilai saham terendah seunit}] \times [\text{jumlah nilai saham di syarikat A}] \times [2.5\%] \\
 &= \text{RM } 1.50 \times 10,000 \text{ unit} \times 2.5\% \\
 &= \text{RM } 15,000.00 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM } 375.00
 \end{aligned}$$

Oleh yang demikian, Encik Rosli dikenakan zakat sebanyak RM375.00.

Sekiranya saham yang dibeli menggunakan pinjaman, pemilik saham perlu menolak bahagian pinjaman sebelum dikenakan zakat. Jika Rosli meminjam sebanyak RM4,000, maka pengiraan zakat adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{Kadar zakat} &= \text{Jumlah nilai saham terendah} - \text{pinjaman} \\
 &= \text{RM } 15,000 - \text{RM } 4,000 \\
 &= \text{RM } 11,000 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM } 275.00
 \end{aligned}$$

Oleh itu, zakat yang dikenakan adalah sebanyak RM275.00. Ini kerana pinjaman bukan merupakan pemilikan sempurna bagi pemilik saham.

Bagi pelabur yang melakukan pelaburan di banyak syarikat, mereka hendaklah mencampurkan jumlah nilai saham terendah bagi setiap syarikat. Andaikan pelaburan Encik Majid di tiga buah syarikat adalah seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2:
Pelaburan Encik Majid di 3 Buah Syarikat

Nama syarikat	Nilai saham terendah (RM)
Syarikat A	RM 10,000
Syarikat B	RM 12,000
Syarikat C	RM 9,000
JUMLAH	RM 31,000

Sumber: Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan

Pengiraan zakat saham yang perlu dibayar oleh Encik Majid adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}\text{Kadar zakat} &= \text{Jumlah nilai terendah saham semua syarikat} \times 2.5\% \\ &= \text{RM } 31,000 \times 2.5\% \\ &= \textbf{RM } 775.00\end{aligned}$$

2. Keuntungan jualan saham

Kaedah ini digunakan bagi saham-saham yang disenaraikan di mana saham-saham tersebut diurusniagakan atau dijual beli sepanjang tempoh *hawl* untuk memperolehi keuntungan dalam masa yang singkat. Oleh itu, zakat yang dikenakan adalah sebanyak 2.5% daripada keuntungan yang diperolehi selama setahun tanpa dikenakan ke atas modal.

Oleh itu, jika ianya terhenti selama sebulan atau dua bulan atau lebih dalam tempoh *hawl*, maka saham tersebut tidak dikenakan zakat. Ini kerana penanaman modal tersebut terputus apabila tidak cukup *hawl*. Sebagai contoh, sila lihat Jadual 3 (di sebelah):

Jadual 3:**Perjalanan Pelaburan Saham Encik Aziz Terputus Dalam Setahun**

Tarikh	Unit Lot (1 lot=1,000 unit)	Harga Belian (RM seunit)	Nilai Belian (RM)	Harga Jualan (RM seunit)	Nilai Jualan (RM)
Januari	5	RM 1.00	RM 5,000	RM 1.20	RM 6,000
Februari	5	RM 1.20	RM 6,000	RM 1.30	RM 6,500
Mac	-	-	-	-	-
April	8	RM 1.50	RM 12,000	RM 1.60	RM 12,800
Mei	8	RM 2.00	RM 16,000	RM 2.20	RM 17,600
Jun	-	-	-	-	-
Julai	10	RM 1.00	RM 10,000	RM 1.10	RM 11,000
Ogos	10	RM 1.10	RM 11,000	RM 1.40	RM 14,000
September	-	-	-	-	-
Oktober	5	RM 2.00	RM 10,000	RM 2.10	RM 10,500
November	6	RM 1.20	RM 7,200	RM 1.30	RM 7,800
Disember	10	RM 1.00	RM 10,000	RM 0.90	RM 9,000

Sumber: Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan

Jika merujuk kepada Jadual 3 di atas, pelaburan Encik Aziz telah terhenti selama 3 bulan iaitu pada bulan Mac, Jun dan September. Ini jelas menunjukkan bahawa *hawl* pelaburan saham beliau tidak cukup setahun. Oleh sebab itu, Encik Aziz tidak dikenakan zakat. Dengan kata lain, perjalanan modal beliau tidak berterusan sepanjang tahun.

Berlainan pula dengan pelaburan yang berterusan selama setahun. Jika keadaan ini berlaku, maka pelabur dikehendaki membayar zakat. Sebagai contoh, sila lihat pelaburan saham Encik Kamal seperti dalam Jadual 4:

Jadual 4:

Perjalanan Pelaburan Saham Encik Kamal Setahun

Tarikh	Unit Lot (1 lot = 1,000 unit)	Harga Belian (RM seunit)	Nilai Belian (RM)	Harga Jualan (RM seunit)	Nilai Jualan (RM)
Januari	5	RM 1.00	RM 5,000	RM 1.20	RM 6,000
Februari	5	RM 1.20	RM 6,000	RM 1.30	RM 6,500
Mac	6	RM 1.50	RM 9,000	RM 1.25	RM 7,500
April	8	RM 1.50	RM 12,000	RM 1.60	RM 12,800
Mei	8	RM 2.00	RM 16,000	RM 2.20	RM 17,600
Jun	5	RM 1.10	RM 5,500	RM 1.50	RM 7,500
Julai	10	RM 1.00	RM 10,000	RM 1.10	RM 11,000
Ogos	10	RM 1.10	RM 11,000	RM 1.40	RM 14,000
Sept.	8	RM 1.10	RM 8,800	RM 1.20	RM 9,600
Oktober	5	RM 2.00	RM 10,000	RM 2.10	RM 10,500
Nov.	6	RM 1.20	RM 7,200	RM 1.30	RM 7,800
Disember	10	RM 1.00	RM 10,000	RM 0.90	RM 9,000
Jumlah		RM 110,500		RM 119,800	

Sumber: Pusat Pungutan Zakat, Wilayah Persekutuan

Berdasarkan Jadual 4, dapat disimpulkan bahawa:

- 1) Encik Kamal adalah pemilik sempurna.
- 2) Pelaburan Encik Kamal cukup 1 tahun *hawl*.
- 3) Keuntungan diperolehi daripada jual beli saham.

Pengiraan zakat bagi kaedah keuntungan jualan saham boleh dilihat seperti berikut:

Kos belian	= (Harga belian setiap bulan x unit saham setiap bulan)
Jumlah nilai jualan	= (Harga jualan setiap bulan x unit saham setiap bulan)
Keuntungan	= Jumlah nilai jualan saham - kos belian
Kadar zakat	= Keuntungan 2.5%
	= $(RM 119,800 - RM 110,500) \times 2.5\%$
	= $RM 9,300 \times 2.5\%$
	= RM 232.50

Jika dilihat kadar pengiraan zakat di atas, maka Encik Kamal dikehendaki membayar zakat sebanyak RM 232.50.

3. Dividen

Biasanya kaedah ini digunakan bagi saham yang sukar ditunaikan seperti saham dalam koperasi. Oleh itu, zakat yang dikenakan ke atas jumlah dividen sekiranya ianya melebihi kadar *nisāb* zakat. Sebagai contoh, Encik Shamsudin telah melabur sebanyak 20,000 unit saham koperasi dengan nilai RM 2.00 seunit. Setelah cukup tempoh setahun, Encik Shamsudin telah mendapat dividen sebanyak 15%.

$$\begin{aligned}\text{Dividen} &= (20,000 \text{ unit} \times \text{RM } 2.00) \times 15\% \\ &= \text{RM } 40,000 \times 15\% \\ &= \text{RM } 6,000 \\ \text{Kadar zakat} &= \text{RM } 6,000 \times 2.5\% \\ &= \textbf{RM150.00}\end{aligned}$$

Maka, Encik Shamsudin dikenakan zakat sebanyak RM150.00.

Kesimpulan

Dalam dunia moden hari ini, banyak bentuk perniagaan atau pelaburan yang wujud. Salah satu bentuk pelaburan adalah pelaburan dalam saham. Tidak ramai pelabur Islam yang sedar kewajipan zakat ke atas saham yang dimiliki apabila cukup *nisāb* dan *hawl*, pemilikan sempurna dan harta yang berkembang. Oleh sebab itu, usaha yang dilakukan oleh Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan dan institusi zakat yang lain haruslah dipuji kerana telah mengorak langkah menjalankan kutipan ke atas zakat saham ini. Kaedah pengiraan zakat saham yang diaplikasikan oleh mereka mengambil kira urusniaga dan kegiatan ekonomi semasa Malaysia, sama ada berbentuk individu atau syarikat. Kaedah pengiraan zakat saham yang ditentukan berdasarkan keuntungan pelaburan saham itu sendiri perlu dikaji semula. Ini perlu bagi memastikan pelabur tidak mengelak diri daripada membayar zakat dengan cara menghentikan pelaburan seketika supaya *hawl*nya terputus. Apabila keadaan ini berlaku, maka pemilik saham tidak wajib membayar zakat saham kerana *hawl*nya tidak mencukupi setahun. Oleh sebab itu, penulis mencadangkan agar kadar zakat dikira berlandaskan kepada keuntungan yang telah melebihi *nisāb* dalam tempoh *hawl* iaitu setahun, walaupun ianya tidak berterusan. Pendedahan tentang zakat saham perlu diperluaskan supaya masyarakat diberi pendedahan tentang kewajipan zakat saham dan cara pengiraannya.

Nota Hujung

1. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 2, c. 3. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 729.
2. *Ibid.*, h. 730; Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *Fiqh al-Zakāh*, j. 1, c.21. Qaherah: Maktabah Wahbah, h. 53.
3. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 730-731.
4. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *Panduan Zakat di Malaysia*, c. 1. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 4-6 & 91.
5. Fadilah Jasmani (1993), *Kamus Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 237; *Dictionary of Accounting Terms* (1987). New York: Barron's Educational Series, h. 405; *Dictionary of Finance and Investment Terms* (1985). New York: Barron's Educational Series, h. 399.
6. Sayyid Sābiq (1994), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, c. 11. Qaherah: Dār al-Fath Li al-'Ilām al-'Arabi, h. 258-260.
7. Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *op.cit.*, h. 553.
8. Henry Campbell (1979), *Black's Law Dictionary St. Paul*, Minn: West Publishing Co., h. 1233.
9. Ismail Ibrahim (1994), *Pelaburan dalam Pasaran Sekuriti, Hadapan dan Opsyen*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10.
10. Muhammad Sulaymān al-Ashqar, Muhammad 'Uthmān Shabīr, Muhammad Na'im Yāsīn & 'Umar Sulaymān al-Ashqar (1998), *Abhāth Fiqhīyah fī Qadāyā al-Zakāh al-Mu'āṣirah*, juzuk 1, c. 1. 'Ammān: Dār al-Nafā'is, h. 55.
11. Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *op. cit.*, h. 555.
12. *Ibid.*, h. 556.
13. *Ibid.*, h. 559.
14. Muhammad Sulaymān al-Ashqar, et. al (1998), *Abhāth Fiqhīyah fī Qadāyā al-Zakāh al-Mu'āṣirah*, juzuk 2, c. 1. 'Ammān: Dār al-Nafā'is, h. 870; Lihat juga Bait al-Zakat, <http://www.zakathouse.org.kw/shares.htm>, 27 Oktober 2003.
15. *Ibid.*
16. *Ibid.*
17. *Ibid.*
18. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur <http://www.zakat.com.my/infozakat/syarat.html>, 27 Oktober 2003.
19. *Ibid.*
20. Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *op.cit.*, h. 154.

21. Bermaksud harta itu boleh bertambah dan berkembang dengan diusahakan seperti keuntungan perniagaan atau beranak seperti kambing dan unta; Lihat Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *op.cit.*, h. 154.
22. Bermaksud harta itu sendiri mempunyai potensi atau berkemampuan untuk berkembang seperti menerima keuntungan dari harta yang disimpan di bank atau yayasan perdagangan; Lihat Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *op.cit.*, h. 154.
23. Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *op.cit.*, h. 154.
24. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur <http://www.zakat.com.my/infozakat/syarat.html>, 27 Oktober 2003.
25. Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *op.cit.*, h. 168.
26. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur <http://www.zakat.com.my/index.html>, 27 Oktober 2003.
27. Pusat Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/index4.asp>, 27 Oktober 2003.
28. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *op.cit.*, h. 87.